

GARIS PANDUAN DAN KRITERIA PENCALONAN ANUGERAH BUKU KARYA ASLI

1.0 NAMA ANUGERAH	Anugerah Penerbitan – Anugerah Buku Karya Asli
2.0 LATAR BELAKANG ANUGERAH	Anugerah ini bertujuan untuk mengiktiraf individu yang cemerlang dalam bidang penulisan Karya Asli. Pemberian anugerah ini adalah berdasarkan syarat pencalonan dan kriteria penilaian Anugerah Buku Karya Asli.
3.0 KATEGORI ANUGERAH	Karya Asli (ilmiah) yang melalui proses penerbitan secara formal dalam bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris terbitan Penerbit UTM Press atau penerbit luar* yang diterbitkan dalam tahun 2025, yang mempunyai ISBN dan Data Pengkatalogan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM). (a) Kategori Sains dan Teknologi (S&T) (b) Kategori Sains Sosial (SS)
4.0 KRITERIA/ SYARAT-SYARAT PERMOHONAN	SYARAT-SYARAT PERMOHONAN/ PENCALONAN (1) Calon hendaklah terdiri daripada staf Universiti Teknologi Malaysia (UTM) kontrak/tetap dan warganegara Malaysia yang masih/pernah berkhidmat dalam tahun penganugerahan (2025). (2) Jenis Karya yang Layak Dicalonkan: Hanya Karya Asli (ilmiah) yang melalui proses penerbitan secara formal dalam bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris terbitan Penerbit UTM Press atau penerbit luar* yang diterbitkan dalam tahun 2025, yang mempunyai ISBN dan Data Pengkatalogan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM). (3) Karya yang Tidak Layak Dicalonkan: Karya yang diklasifikasikan sebagai Buku Penyelidikan, Buku Teks, Karya Kreatif, Cetakan

	Awal, Modul Pengajaran, Buku Mewah, Monograf, Bab dalam Buku, Karya Selenggaraan/Suntingan (Edited Book), Karya Terjemahan, Buku Terbitan Khas. (4) Karya Penerbitan Sendiri : Karya ini tidak layak dicalonkan. (5) Penulis Karya: Karya yang dihasilkan oleh penulis sama ada secara individu atau bersama dengan penulis lain (dalam atau luar UTM). Jika penulisan bersama, bilangan penulis mestilah tidak melebihi tiga (3) orang. (6) Bahan Bukti Penyertaan: Kemukakan jumlah naskhah berikut bagi setiap pencalonan judul (tidak akan dikembalikan): (7) Buku terbitan penerbit dalam negara – ENAM (6) naskhah asal. (8) Buku terbitan penerbit luar negara - TUJUH (7) naskhah asal atau SATU (1) naskhah (minimum) buku asal dan ENAM (6) naskhah dalam bentuk salinan (fotokopi dan berjilid). (9) Perakuan: Buku terbitan Penerbit UTM Press secara automatik akan dicalonkan. Bagi buku terbitan luar, Borang Pencalonan Anugerah Buku Karya Asli 2025 hendaklah diisi dengan lengkap (disertakan). (10) Tarikh tutup pencalonan: Pencalonan Buku Karya Asli terbitan penerbit luar hendaklah dihantar kepada urusetia selewat-lewatnya pada 21 April 2026 sebelum atau pada jam 5.00 petang. <i>*Penerbit luar ditakrifkan sebagai penerbit dalam negara yang menganggotai Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM), Persatuan Penerbit Buku Malaysia (Malaysian Book Publishers Association – MABOPA) / menganggotai Persatuan Penerbit Buku Bumiputera (Bumiputera Book Publishers Association – IKATAN) / Pusat Penyelidikan/Badan Profesional/Badan Bukan Kerajaan dan termasuk penerbit antarabangsa yang melakukan proses penerbitan secara formal: melalui proses penilaian dan penyuntingan atau mempunyai lembaga editorial.</i>
--	--

5.0 KAEDAH PENILAIAN DAN PEMARKAHAN

i. Kaedah Penilaian	Setiap judul yang bertanding akan dinilai oleh 2 orang ahli panel dan seorang pakar bidang.
----------------------------	--

6.0 PEMARKAHAN ADALAH BERDASARKAN KRITERIA UTAMA SEPERTI BERIKUT:

ii. Kaedah Pemarkahan	Kriteria : i. Penilaian Pakar Bidang (60%) ● 15%- Karya menunjukkan keaslian (bukan terjemahan atau saduran) ● 15% - Karya menunjukkan kesesuaian dan kerelevanan (dalam bentuk keilmuan dan kebaharuan dengan khalayak pembaca) ● 15% - Karya mengandungi huraian dan kupasan maklumat serta fakta menggunakan pendekatan yang bersepadu dan kontekstual ● 15% - Karya yang mampu meninggalkan impak pada bidang keilmuan dan pemikiran ii. Penilaian Ahli Panel (40%) ● 10% - Persembahan dan Pengukuhan Buku ● 10% - Gaya Penulisan ● 10% - Bahasa dan Gaya Bahasa ● 10% - Subjek Karya atau Isi
	Markah yang layak untuk dicalonkan sebagai pemenang Hadiah Utama: 80% dan ke atas

7.0 KOS HADIAH

Anugerah	Kategori	Pemenang	Hadiah
Anugerah Buku Karya Asli	Sains dan Teknologi	Pemenang Utama	RM1,500.00 dan sijil
	Sains Sosial	Pemenang Utama	RM1,500.00 dan sijil